

Kesalahan Tatabahasa Dari Aspek Gender Dalam Kemahiran Bertutur: Satu Analisis Dalam Aktiviti Debat Bahasa Arab Dalam Kalangan Penuntut IPT Awam

Ahmad Nabil Afif Ja'afar¹, Hakim Zainal², Mohamad Azwan Kamarudin^{3, a)}

^{1, 2, 3} Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

^{a)} Pengarang koresponden: azwankamarudin@ukm.edu.my

Abstrak: Aktiviti debat merupakan satu aktiviti bertutur yang memerlukan penguasaan bahasa yang tinggi. Justeru, para pendebat – terutamanya dari kalangan bukan penutur Arab - sering melakukan kesalahan bahasa semasa mempraktikkan aktiviti ini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti, menganalisis, mengkaji jenis-jenis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pendebat bahasa Arab UKM dan UPM yang terdiri daripada mahasiswa sarjana muda bidang bahasa Arab, khususnya kesalahan yang melibatkan gender. Kajian ini turut membentangi dan menganalisis faktor yang mempengaruhi para pendebat melakukan kesalahan bahasa tersebut semasa berdebat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan metodologi kajian yang digunakan ialah kepustakaan dan analisis dokumen. Data kajian yang dianalisis diambil daripada video rakaman perdebatan bahasa Arab antara pasukan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bersempena al-Mahrajan al-Arabi di UPM pada tahun 2017. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pendebat berjaya mengaplikasi sedikit sebanyak tatabahasa Arab ketika berdebat, namun masih wujud beberapa aspek kesalahan tatabahasa seperti aspek al-tadhkir dan al-ta'nith, al-na'at dan al-idafah, binaan ayat namaan dan penggunaan kata kerja di samping wujud beberapa kesalahan bahasa lain yang tidak dinyatakan dalam kajian ini. Manakala faktor yang mempengaruhi para pendebat melakukan kesalahan bahasa ialah kurang latihan bertutur dalam bahasa Arab dengan mematuhi tatabahasa yang betul, wujud pengaruh bahasa ibunda dalam bahasa kedua, penguasaan kosa kata yang lemah dan kurang menguasai tatabahasa Arab dengan baik. Hasil kajian ini diharap mampu memberikan impak yang baik kepada para pendebat dari aspek kemahiran bertutur, khususnya kemahiran berdebat dalam bahasa Arab.

Kata kunci: kemahiran bertutur, bahasa Arab, tatabahasa Arab, debat

Grammatical Gender Errors in Speaking Skills: An Analysis in Arabic Debate Activity Among Public IPT Students

Abstract: Debate activity is a speaking activity that requires high language proficiency. Thus, debaters - especially non-Arabic speakers - often make language mistakes while practicing this activity. This study aims to identify, analyze, study the types of language errors committed by UKM and UPM Arabic language debaters consisting of undergraduate students in Arabic, especially errors involving grammatical gender. This study also presents and analyzes the factors that influence debaters to commit such language errors during debate activity. This study is a qualitative study and the research methodology used is library and document analysis. The study data analyzed was taken from a recorded video of the Arabic language debate between two teams: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Putra Malaysia (UPM) in conjunction with al-Mahrajan al-Arabi at UPM in 2017. The findings show that the debaters have successfully applied some Arabic grammar rules when debating, but there are still some aspects of grammatical errors such as aspects of al-tadhkir and al-ta'nith, al-na'at and al-idafah, sentence construction and use of verbs in addition to some other language errors that are not mentioned in this research. While the factors that influence the debaters to make language mistakes are lack of speaking skills in Arabic by adhering to the correct grammar, the influence of the mother tongue in the second language acquisition, poor vocabulary mastery and poor mastery of Arabic grammar. The results of this study are expected to be able to give a good impact to debaters in terms of speaking skills, especially debating skills in Arabic.

Keywords: *speaking skills, Arabic, Arabic grammar, debate*

PENDAHULUAN

Tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penuntut Melayu sama ada di peringkat menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi masih lagi berada pada prestasi yang kurang memberangsangkan (Halim et al. 2010; Taib 2008). Pelajar pengkhususan bahasa Arab sudah mempelajari bahasa ini sejak mereka berada di peringkat awal sekolah menengah lagi, malahan ada juga yang telah mempelajarinya seawal usia 7 tahun lagi (Aisyah et. al 2017; Rosni 2012). Walaupun sintaksis Arab

sudah dititikberatkan semenjak dari awal lagi di sekolah, akan tetapi masih ramai pelajar yang tidak berjaya untuk memahami dan menguasai beberapa aspek tertentu dalam tatabahasa ini. Hal ini pasti menimbulkan suatu kepincangan dalam aspek pembacaan, penulisan, pemahaman sesuatu teks dan pertuturan yang berkaitan bahasa Arab, jika ia tidak diatasi (Ashinida 1998).

Dalam konteks pengajaran bahasa Arab, terdapat banyak teknik dan cara serta strategi yang sudah diaplikasikan di seantero dunia bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan penuntutnya. Analisis kesalahan merupakan salah satu cara atau kaedah bagi mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Menurut kajian Baidura et. al (2011), analisis kesalahan dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa. Moghimizadeh (2008) mentakrifkan analisis kesalahan bahasa sebagai kajian yang dilakukan terhadap bahasa yang digunakan oleh pelajar asing atau pelajar bahasa kedua dengan menguji secara empirikal kesalahan-kesalahan yang wujud dalam bahasa sasaran yang dihasilkan oleh pelajar dan mencari penjelasan tentang punca-punca berlakunya kesalahan tersebut.

Justeru, kajian berkenaan analisis kesalahan tatabahasa Arab, termasuk berkaitan dengan penggunaan gender (*tadhkir* dan *ta'nith*) amat perlu diketengahkan. Walaupun kajian berkenaan analisis kesalahan sudah banyak dijalankan, namun kebanyakannya lebih memfokuskan kemahiran penulisan. Lantaran itu, satu kajian khusus berkaitan analisis kesalahan berkaitan tatabahasa Arab dalam aktiviti pertuturan seperti debat dan seumpamanya perlulah dijalankan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini bertitik tolak daripada kajian yang diketengahkan oleh kajian Muna & Halah (2015) yang berpendapat bahawa kesalahan bahasa adalah bersifat universal; ia terdapat pada mana-mana bahasa di seluruh dunia. Mereka juga menyatakan bahawa kemungkinan punca kesalahan-kesalahan bahasa itu adalah berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain, tanpa menafikan kemungkinan keterkaitannya dengan sejarah, perkembangan atau ciri-ciri bahasa itu sendiri.

Selain itu, kesalahan bahasa biasanya berpunca daripada penukaran, pengalihan sesuatu bahagian ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan rangkai kata hingga menyebabkan ayat yang terbina mengandungi kesalahan (Corder 1973). Kenyataan ini turut disokong

oleh Haniah (2018) yang menyatakan bahawa kesalahan yang terjadi pada pembelajaran bahasa kedua dapat dikategorikan sebagai kesalahan interlingual dan kesalahan intralingual yang dapat membentuk kesalahan penulisan ejaan, kesalahan sintaksis, kesalahan morfologi dan semantik.

Meskipun pendidikan bahasa Arab sudah lama diperkenal, diajar dan didedahkan kepada pelajar sejak dari awal persekolahan rendah dan menengah, namun pencapaian yang ditunjukkan oleh mereka masih berada di tahap yang kurang memuaskan termasuklah mahasiswa di peringkat pengajian tinggi. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Azlan & Rosni (2015) yang menunjukkan tahap penguasaan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia masih belum memuaskan. Keadaan ini bererti bahawa keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar yang selama ini dipelajari oleh mereka sebenarnya belum sepenuhnya dikuasai (Alwee & Azrien 2009).

Buktinya, terdapat sebuah kajian yang dilakukan oleh Al-Muslim & Zamri (2012) terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah agama yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi yang menunjukkan kecemerlangan mereka pada peperiksaan bertulis, akan tetapi kebanyakan mereka masih lagi belum menguasai kemahiran bertutur dengan baik. Dari itu, kajian ini akan membahaskan analisis kesalahan bahasa dalam kemahiran bertutur kerana kajian berkaitan kemahiran-kemahiran lain sudah banyak dilakukan. Perkara ini turut disokong oleh Azura et. al. (2005) yang menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang paling penting dalam penguasaan sesuatu bahasa.

Nadwah & Nadhilah (2014) mendapati di dalam kajian mereka berdua bahawa ramai pelajar mempunyai masalah bertutur apabila mereka melakukan sesuatu aktiviti bertutur itu secara individu dan masalah bertutur ini dapat diatasi apabila mereka melakukan aktiviti tersebut secara berkumpulan. Sepertimana yang kita sedia maklum, aktiviti debat dilakukan secara berkumpulan dan ia adalah antara salah satu metode dalam pembelajaran bahasa juga. Menurut Pezhman & Moomala (2015) yang mengkaji tentang aktiviti debat di dalam bilik darjah, mereka berdua beranggapan bahawa debat ini mempunyai potensi untuk membantu pelajar mengatasi halangan dalam mengurangkan tahap ketakutan serta meningkatkan keyakinan agar pelajar dapat

meningkatkan pembelajaran bahasa dengan cara yang lebih berkesan. Kenyataan ini turut disokong oleh Ibnu Burdah (2016) yang menyatakan bahawa melalui aktiviti latihan dan pertandingan debat bahasa Arab, ia mampu meningkatkan kemahiran berbahasa Arab dengan lebih cepat dan efektif.

Justeru, berpaksikan pernyataan yang disebut di atas, kajian ini cenderung untuk menjadikan analisis kesalahan bahasa Arab dalam aktiviti debat sebagai permasalahan utama kajian ini. Aktiviti ini dipilih kerana debat berada di tahap yang berbeza dalam kemahiran bertutur jika dibandingkan dengan aktiviti lain kerana ia menggunakan pendekatan beretorik yang spontan dalam menyampaikan logik bagi menarik perhatian penonton. Kajian ini turut meneliti dan menganalisis beberapa kesalahan bahasa Arab yang dilakukan semasa berdebat khususnya dari aspek kesalahan pengaplikasian tatabahasa dari aspek gender.

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk itu, kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif berikut:

1. Membentang dan menganalisis faktor yang mempengaruhi para pendebat melakukan kesalahan bahasa semasa berdebat berdasarkan kajian-kajian lepas.
2. Mengenal pasti, mengklasifikasi dan menganalisis bentuk kesalahan bahasa yang dilakukan dari aspek penggunaan gender (*tadhkir* dan *ta'nith*) semasa berdebat.

KEPENTINGAN KAJIAN

Antara faedah yang dapat diperoleh berdasarkan kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Kajian ini penting kerana ia mampu memberi sumbangan yang signifikan terhadap penambahbaikan dalam bidang bahasa Arab khususnya dalam mengenal pasti kesalahan bahasa yang dilakukan. Di samping itu, ia meningkatkan kebolehan dan keterampilan pelajar-pelajar dengan mempersembahkan tatabahasa Arab yang jitu ketika melakukan aktiviti lisan berkaitan bahasa Arab seperti lakonan atau debat.
- II. Kajian ini penting untuk menganalisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pendebat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam aktiviti debat kerana kajian berkaitan dengan analisis kesalahan bahasa dalam aktiviti debat masih belum banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Selain itu, kajian ini

penting kerana kajian ini dapat mengenal pasti aspek-aspek kesalahan para pendebat IPTA. Corder (1967) juga ada menjelaskan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas sebagai hasil proses pembelajaran. Analisis kesalahan bahasa ini sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dapat menyediakan bahan pengajaran yang lebih berkesan melalui analisis kesalahan ini (Faudziah & Zamri 2013).

- III. Kajian ini mampu untuk merealisasikan objektif di atas untuk mengenal pasti kesalahan bahasa di dalam teks yang ditranskripsi daripada video debat dan mengklasifikasikan bentuk-bentuk kesalahan dari aspek *tadhkir* dan *-ta'nith*. Selain itu, kajian ini juga penting untuk meneliti kebolehan mahasiswa daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam menyusun struktur kata berdasarkan tatabahasa Arab yang betul. Seterusnya, hasil daripada kajian ini membantu para mahasiswa dalam memperbaiki kelemahan serta mengambil berat terhadap struktur kata kerja dan kata nama yang melibatkan *tadhkir* dan *ta'nith* dengan betul sama ada semasa bertutur mahupun semasa membina ayat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dibuat berpandukan video rakaman debat bahasa Arab yang diambil sempena Pertandingan Debat Bahasa Arab IPTA iaitu *al-Mahrajan al-Arabi* yang diadakan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia bertarikh 17 April 2017. Tajuk pertandingan ini ialah “Penggunaan Alat-alat Elektronik Moden Dalam Kalangan Kanak-kanak Adalah Merosakkan Mereka”. Video yang berdurasi hampir satu jam atau dalam bacaan tepatnya 48 minit 20 saat, diambil dan dipilih kerana ia mempunyai tempoh masa yang penuh melibatkan kesemua 6 orang pendebat yang berdebat pada ketika itu. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan transkripsi dengan teliti berdasarkan rakaman video pertandingan bagi memastikan data yang diperolehi tepat. Seterusnya, kajian ini menyenaraikan beberapa faktor yang mempengaruhi pendebat melakukan kesalahan bahasa semasa berdebat dan mengumpul data kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pendebat melalui perdebatan mereka. Kemudian, berdasarkan data yang terkumpul, kajian ini turut mengenal pasti dan

mengklasifikasikan data dengan cermat dalam bentuk jadual serta menganalisis kesalahan-kesalahan tatabahasa dari aspek gender dengan teliti.

ANALISIS & DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini berdasarkan pada analisis segala data yang berjaya dikumpul bagi menjawab kedua-dua objektif kajian. Bagi objektif yang pertama, iaitu membentang dan menganalisis faktor yang mempengaruhi para pendebat melakukan kesalahan bahasa semasa berdebat, ia adalah berdasarkan kajian-kajian lepas. Kajian kepustakaan ini berhasil menemui empat faktor yang mempengaruhi para pendebat dalam melakukan kesalahan bahasa khususnya dari aspek gender semasa berdebat. Antaranya ialah:

I. Kurang latihan bertutur dalam bahasa Arab dengan mengikuti tatabahasa yang betul. Berdasarkan penelitian data yang diperoleh, kecenderungan kesalahan bahasa bagi para pendebat yang sering melakukan latihan bertutur dalam bahasa Arab dengan menerapkan segala tatabahasa yang dikuasai adalah sedikit, jika dibandingkan dengan para pendebat yang kurang melakukan latihan. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Fahed et. al (2018) dan Fakhrrur (2016) yang menyatakan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknik kemahiran bertutur memerlukan latihan berinteraksi dan komunikasi agar wujud nilai keyakinan untuk bertutur dalam diri pelajar.

II. Wujud pengaruh bahasa ibunda dalam bahasa kedua.

Sebagaimana yang diketahui umum, struktur ayat bahasa Arab sangat berbeza jika dibandingkan dengan bahasa Melayu. Oleh itu, para pendebat juga tidak lari daripada melakukan kesalahan bahasa kerana mereka sering terikat dengan pengaruh struktur ayat bahasa ibunda mereka. Perkara ini juga dinyatakan oleh Halim & Azidan (2017) yang menjelaskan bahawa perbezaan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu kadang-kadang menyukarkan proses pembelajaran pelajar dan menyebabkan mereka melakukan banyak kesalahan sekiranya mereka masih terikat dengan sistem serta kaedah bahasa Melayu.

III. Penguasaan kosa kata yang lemah.

Masalah perbendaharaan kata bukanlah masalah baharu dalam aktiviti debat. Permasalahan ini disebabkan oleh kekurangan tabiat membaca dalam bahasa asing

(Kaseh & Adibah 2017). Rentetan daripada kelemahan penguasaan kosa kata, para pendebat akan melakukan kesalahan-kesalahan seperti meninggalkan kosa kata yang sepatutnya perlu ada, menggunakan kosa kata yang tidak tepat dan memasukkan kosa kata yang tidak perlu. Hal ini turut dibangkitkan oleh Rosni et. al (2013) berkaitan masalah kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur yang berpunca daripada kurang menguasai kosa kata. Hal ini selaras dengan pandangan Goh & Azman (2010) yang menyatakan apabila pelajar mempunyai kosa kata yang cukup, barulah mereka dapat menggunakan kosa kata tersebut untuk bertutur.

IV. Kurang menguasai tatabahasa Arab dengan baik.

Bukan semua pendebat mempunyai kemampuan menguasai menguasai *Nahw* dan *Sarf* secara teori dan praktikal. Justeru, para pendebat perlulah mengambil cakna tentang tatabahasa Arab ini kerana ia mampu meningkatkan kemampuan menyusun ayat yang mudah dan jelas yang difahami para pendengar (Nadwah & Nadhilah 2014). Isu ini turut diperkata oleh Tanveer (2007), iaitu kesalahan struktur bahasa atau penggunaan tatabahasa merupakan faktor kedua yang menyebabkan para pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing.

Berikut merupakan data-data yang ditunjukkan dalam jadual 1, bertujuan untuk menjawab objektif yang kedua, iaitu mengenal pasti, mengklasifikasi dan menganalisis bentuk kesalahan bahasa yang dilakukan dari aspek penggunaan gender. Dalam analisis data ketidakselarian dalam penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith*, kajian ini turut menganalisis berdasarkan sub-tema yang dibentuk seperti berikut:

1. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata nama.
2. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata kerja.
3. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk.
4. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata hubung.

Jadual 1 Kekerapan jenis kesalahan

Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan	Peratus Kesalahan
-----------------	--------------------	-------------------

Kata Nama	15	48%
Kata Kerja	9	29%
Kata Tunjuk	4	13%
Kata Hubung	3	10%
Jumlah	31	100%

Berikut adalah penjelasan kepada 4 sub-tema di atas:

1. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata nama

Data yang diperoleh berkaitan dengan tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata nama adalah berdasarkan kesalahan tentang kata adjektif dan kata ganti diri. Hal ini dibuktikan dengan contoh pada jadual 2. Berikut merupakan analisis bagi data di bawah:

Jadual 2 Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata nama

Data Kesalahan Bahasa	Penggunaan Yang Betul
مدرسة ابتدائياً	مدرسة ابتدائية
الإنترنت نفسها تقصد	الإنترنت نفسه يفسد
حجتنا الثانية ألا وهو	حجتنا الثانية ألا وهي

i) مدرسة ابتدائياً

Frasa adjektif yang terbentuk daripada kata nama (مدرسة) yang bermaksud sekolah dan kata nama (ابتدائياً) bermaksud permulaan (rendah) tidak menunjukkan keselarian dalam mengaplikasi kata sifat dengan betul. Hal ini demikian kerana kata nama (مدرسة) merupakan kata nama *mu'annath* dan juga *man'ut* (yang disifatkan) kepada kata nama (ابتدائياً), manakala kata nama (ابتدائياً) merupakan kata nama *mudhakkar* dan dari sudut tatabahasa menjadi *na'at* (adjektif kepada kata nama (مدرسة)). Menurut Ibn 'Aqil (1980) bahawa *na'at* perlu mengikut *man'ut* yang sebelumnya (kata nama) dari segi *i'rab*, *ta'rif* atau *tankir*, *tadhkir* atau *ta'nith* dan *ifrad*, *tathniyah* atau *jam'*. Justeru itu, apabila dua kata nama ini digabungkan akan menjadi مدرسة ابتدائية yang bermakna sekolah permulaan atau lebih tepat lagi sekolah rendah.

ii) الإنترنت نفسها تقصد

Dalam contoh, kajian mendapati bahawa terdapat dua kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pendebat ini. Pertama sekali, dia menggunakan *kata ganti nama mu'annath* (ها) pada kata nama (الإنترنت) yang merujuk kepada *tadhkir*. Tambahan pula, kata nama (نفس) juga merupakan *tawkid ma'nawi* bagi kata nama (الإنترنت). Kata nama bagi (عين) dan (عين) perlu dikuatkan dengan *kata ganti nama* yang bertembung dengan *al-Mu'akkad*, iaitu pada *al-Ifrad* dan *al-Tadhkir* serta cabang bagi keduanya (al-Sabban 1997). Berdasarkan kenyataan ini pendebat perlu menggunakan *Damir al-Mudhakkar* (هو) pada kata nama (الإنترنت). Kedua, kesalahan yang dilakukan ialah kata nama (الإنترنت) tidak selari dengan kata kerja (تفسد). Sepatutnya pendebat tersebut menggunakan kata kerja yang merujuk kepada *al-Tadhkir* iaitu kata kerja (يفسد). Oleh itu, pengaplikasian selari bagi contoh ini ialah الإنترنت نفسه يفسد.

iii) حجتنا الثانية ألا وهو

Merujuk kepada contoh di atas, kajian ini mendapati bahawa kata nama حجتنا الثانية tidak selari dengan *Damir al-Mudhakkar* (هو) yang digunakan. Hal ini demikian kerana kata nama (حجتنا الثانية) ini merupakan kata nama *al-Mu'annath*. Lantaran itu, pengaplikasian *Damir al-Mu'annath* (هي) yang paling sesuai kerana kesinambungannya kepada kata nama sebelumnya. Natiujahnya, pendebat perlu menyebut ayat yang betul dan tepat iaitu حجتنا الثانية ألا وهي.

2. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata kerja

Kesalahan penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* yang berlaku pada kata kerja, kebanyakannya terjadi pada pola ayat yang didahului dengan kata nama, kemudian diikuti dengan kata kerja. Hal ini demikian kerana pola ayat begini lebih mirip dengan pola ayat di dalam bahasa Melayu yang menggunakan kata kerja di hadapan dan diiringi dengan kata kerja. Lantaran itu, kajian ini juga menganalisis data di bawah dengan terperinci berdasarkan jadual 3, seperti berikut:

Jadual 3 Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata kerja

Data Kesalahan Bahasa	Penggunaan Yang Betul
الأطفال تظهر الغضب	الأطفال يظهرون الغضب

الأجهزة تفسد هم	الأجهزة تفسد هم
استخدامها ستكون...	استخدامها سيكون...

i) الأطفال تظهر الغضب

Kesalahan yang kita dapati berdasarkan contoh di atas adalah apabila pendebat menjadikan kata kerja (تظهر) yang disandarkan kepada kata nama (الأطفال). Sedangkan kata nama (الأطفال) merupakan *Jama' al-Mudhakkar al-Salim*, manakala kata kerja (تظهر) menunjukkan kepada *damir al-mu'annath* (هي). Pendebat sepatutnya menukarkan *damir al-mu'annath* (هي) pada kata kerja (تظهر) kepada *damir al-mudhakkar* (هم). Oleh itu, pengaplikasian yang tepat bagi cara data ini ialah الأطفال يظهرون الغضب.

ii) الأجهزة يفسد هم

Melihat pada kesalahan di atas, kajian ini mendapati bahawa para pendebat sering melakukan kesilapan apabila kata nama mendahului kata kerja. Dalam contoh di atas, kata nama (الأجهزة) merupakan kata nama *mu'annath*. Oleh itu, pendebat perlu menukarkan *damir al-mudhakkar* (هو) kepada *damir al-mu'annath* (هي) pada kata kerja (يفسد هم). Justeru, penggunaan yang betul dan tepat bagi ayat tersebut ialah الأجهزة تفسد هم.

iii) استخدامها ستكون...

Hal ini telah dikupas dengan terperinci dalam contoh sebelum ini, iaitu apabila kata nama mendahului kata kerja. Menurut 'Abbas (2018), beliau menyatakan bahawa antara syarat bagi *khavar* itu mestilah merujuk kembali pada *mubtada'*. Oleh itu, penggunaan pada kata nama dan kata kerja perlulah selari dengan menyelaraskan *khavar* kepada *tadhkir*. Jadi ayat yang tepat bagi sampel ini ialah استخدامها سيكون.

3. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk

Jadual di bawah merupakan data-data berkaitan dengan tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk. Data mengenai kesalahan ini merekodkan 4 kesalahan daripada 31 kesalahan berkaitan gender. Antara analisis kesalahannya ialah:

Jadual 4 Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk

Data Kesalahan Bahasa	Penggunaan Yang Betul
هذه الاستخدام لا تفسد	هذا الاستخدام لا يفسد
وهذه يحتاج إلى...	وهذا يحتاج إلى...
هذا المحاور	هذه المحاور

i) هذه الاستخدام لا تفسد

Merujuk kepada maklumat yang diperoleh di atas, ia menunjukkan pada kita bahawa tidak keselarian boleh dijadikan sebagai contoh dalam penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk. Hal ini demikian kerana kata tunjuk (هذه) menunjukkan kepada *ta'nith*, manakala kata nama (الاستخدام) menunjukkan pada *tadhkir*. Kata tunjuk (هذه) perlulah ditukarkan kepada kata tunjuk (هذا). Selain itu, terdapat kesalahan kedua yang dilakukan oleh pendebat iaitu ketidak selarian antara *Badal al-Mutabiq*. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan kata tunjuk yang diubah menjadi *ta'nith*, lalu kata kerja (تفسد) mengikuti juga dari sudut *ta'nith*. Seharusnya kata kerja itu berkesinambungan dengan *badal*, iaitu الاستخدام bukan mengikut *damir*, iaitu هذه. Lantaran itu, pendebat perlu menukarkan kata kerja (تفسد) kepada kata kerja (يفسد) supaya wujud kesinambungan pada kata kerja dan kata ganti nama. Jadi penggunaan yang paling tepat adalah dengan menyatakan seperti berikut هذا الاستخدام لا يفسد.

ii) وهذه يحتاج إلى...

Dalam sampel berikut, kajian ini turut menganalisis kesalahan contoh di atas berkaitan dengan ketidak selarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata tunjuk. Seorang pendebat ada melakukan kesalahan semasa mengaplikasi kata tunjuk (هذه) pada kata kerja (يحتاج). Walaupun kedua-dua kata itu menunjukkan kepada *mufrad*, tetapi kata tunjuk (هذه) digunakan untuk *ta'nith*, manakala kata kerja (يحتاج) pula untuk *tadhkir*. Pendebat tersebut perlulah mengaplikasikan kata tunjuk (هذه) itu, dengan menggantikan ia kepada kata tunjuk (هذا) yang merujuk pada *tadhkir*. Oleh itu, pengaplikasian ayat yang betul ialah ...وهذا يحتاج إلى...

iii) هذا المحاور

Data di atas merupakan contoh kesalahan bahasa dari sudut pengaplikasian kata tunjuk. Hal ini disebabkan oleh kata nama (المحاور) merupakan *Badal al-Mutabiq* kepada kata tunjuk (هذا) dan ia juga dikenali sebagai *Sighat Muntaha al-Jumu'*. Menurut ^cAbbas (2018) bahawa ketika memilih kata tunjuk, kita sepatutnya mengetahui keadaan *al-*

Mushar ilayh (benda yang ditunjuk) dari aspek *ifrad*, *tathniyah* atau *jama^c* dan *tadhkir* atau *ta'nith* serta *‘aql* atau *‘adam al-‘aql*. Kata nama (المحاور) dikategorikan sebagai kata nama *jama^c ‘adam al-‘aql*. Jadi pendebat sepatutnya mengatakan ayat seperti ini, iaitu هذه المحاور dengan menukarkan kata tunjuk (هذا) kepada kata tunjuk (هذه) yang bertepatan dengan kata nama *jama^c ‘adam al-‘aql* perlu diselarikan dengan *ta'nith*.

4. Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata hubung

Kesalahan penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* berkenaan dengan kata hubung merupakan paling minima yang dilakukan oleh para pendebat UKM dan UPM. Berikut merupakan jadual dan analisis terhadap kesalahan yang dilakukan:

Jadual 5 Tiada keselarian penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* dalam pengaplikasian kata hubung

Data Kesalahan Bahasa	Penggunaan Yang Betul
الأجهزة الاتصالية الإلكترونية الحديثة الذي تسبب...	الأجهزة الاتصالية الإلكترونية الحديثة التي تسبب...
الموضوع التي...	الموضوع الذي...
المشروع التي قدمتها	المشروع الذي قدمته

i) ...الأجهزة الاتصالية الإلكترونية الحديثة الذي تسبب

Melihatkan kepada data di atas, kajian ini mendapati bahawa kesilapan yang dilakukan di sini apabila menggunakan kata nama *mu'annath*, iaitu الأجهزة sepatutnya pendebat perlulah menggunakan juga kata hubung *mu'annath*, iaitu التي, akan tetapi ia melakukan kesalahan dengan meletakkan kata hubung *mudhakkar* (الذي) pada ayatnya. Oleh itu, ayat yang perlu digunakan di sini ialah الأجهزة الاتصالية الإلكترونية الحديثة التي تسبب.

ii) ...الموضوع التي

Data di atas menunjukkan kepada kita tentang kesalahan yang melibat penggunaan kata hubung *mu'annath* (التي) yang digunakan pada kata nama *mudhakkar* (الموضوع). Pengaplikasian yang tepat bagi ayat ini adalah dengan menggunakan kata hubung *mudhakkar* (الذي). Jadi pendebat perlu mengatakan الموضوع الذي.

iii) ...المشروع التي قدمتها

Kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan kata hubung yang melibatkan aplikasi gender di sini adalah apabila kata nama *mudhakkar* (المشروع) diletakkan dengan kata

hubung *mu'annath* (التي). Perkara yang perlu diperbetul di sini ialah kata nama *mudhakkar* perlu diikuti juga dengan kata hubung *mudhakkar* (الذي). Justeru, ayat yang mesti digunakan ialah المشروع الذي قدمته.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat banyak kesalahan bahasa yang dilakukan oleh para pendebat apabila melibatkan penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* semasa melakukan aktiviti debat. Lantaran itu, masalah ini terjadi disebabkan oleh empat faktor utama, iaitu kurang latihan bertutur, wujud pengaruh bahasa ibunda, lemah penguasaan kosa kata dan lemah penguasaan tatabahasa Arab. Dapatan kajian di atas selari dengan kajian Nadwah & Nadhilah (2014) dan Azani et. al (2010) yang menyatakan bahawa antara faktor utama para penutur bahasa Arab sering melakukan kesalahan ialah kurang penguasaan terhadap kosa kata dan struktur. Di samping itu, Ab. Halim & Azidan (2017) dan Kaseh & Adibah (2017) menyokong pandangan masing-masing bahawa gangguan bahasa ibunda dan kurang latihan debat menyebabkan kesilapan dalam bertutur berlaku. Berdasarkan kajian ini, diharap dapat membantu para pembaca dalam memahami masalah sebenar yang dihadapi oleh para pendebat dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab.

Seterusnya, data daripada analisis mendapati bahawa kesalahan gender melibatkan kata nama, iaitu pada kata adjektif dan kata ganti nama sebanyak 15 kali. Seterusnya, diikuti dengan kesalahan penggunaan *tadhkir* dan *ta'nith* pada kata kerja, iaitu sebanyak 9 kali. Kemudian disertai dengan kesalahan pengaplikasian gender pada kata tunjuk dan kata hubung sebanyak 4 dan 3 kesalahan sahaja. Situasi bentuk-bentuk kesalahan seumpama ini seiiring dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Rofian et. al (2014) yang melaporkan mengenai kesalahan bahasa yang hampir sama dilakukan berkaitan dengan gender.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, analisis kesalahan bahasa antara teknik yang perlu diterapkan dalam aktiviti debat bahasa Arab untuk meningkatkan keupayaan bahasa dalam kalangan pendebat. Hal ini kerana menerusi aktiviti debat juga dapat peluang untuk mempelajari dan mengulangkaji struktur ayat yang digunapakai dalam bahasa

Arab. Selain itu, aktiviti ini dapat menambah kosa kata menerusi latihan debat yang dijalankan dengan bantuan daripada jurulatih atau guru bahasa Arab, seterusnya mengurangkan pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa kedua.

Menerusi kajian ini diharapkan agar dapat dimanfaatkan oleh para pendebat dan jurulatih serta golongan yang melibatkan diri dalam aktiviti ini dengan menitikberatkan beberapa aspek seperti pada pengaplikasian kata nama dan kata kerja kerana daripada dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan kecenderungan melakukan kedua-dua kesalahan ini adalah sangat tinggi. Selain itu, diharapkan juga kepada individu-individu yang terlibat menggunakan bahasa Arab dalam aktiviti seharian perlu lebih berhati-hati supaya setiap apa yang disampaikan itu difahami dan menepati kaedah bahasa Arab yang benar serta berdasarkan pengetahuan yang mantap.

Di kesempatan ini, kajian ini juga mencadangkan kepada jurulatih debat atau guru-guru bahasa Arab supaya memberikan latihan khusus berkenaan struktur ayat yang memerlukan kepada keselarisan dalam penggunaan gender. Selain itu, para jurulatih juga boleh memberikan contoh-contoh ayat atau *template* yang boleh digunakan untuk kedua-dua gender kepada para pendebat supaya dapat digunakannya semasa berdebat dengan betul dan tepat. Diharapkan juga para pendebat memastikan dahulu gender bagi setiap perkataan yang digunakan supaya masalah ini tidak berulang.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2017. Faktor kesalahan bahasa yang mempengaruhi pelajar Melayu dalam mempelajari bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR* 1(3): 21-32.
- °Abbas ibn Hassan. 2018. *al-Nahw al-Wafi*. Kaherah: Dar al-Ma°arif.
- Abdul Halim Tamuri et.al . 2010. Kajian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan akhir projek penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Aisyah Sjahrony et. al. 2017. Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* 1(2): 102-112.

- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. 2012. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, hlm. 278-285.
- Ashinida Aladdin. 1998. Kekeliruan antara 'al-idafat' dan 'al-na'at' dikalangan pelajar Melayu. Tesis Sarjana. Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Azani bin Ismail. 2010. Pembelajaran bahasa Arab melalui aktiviti lakonan di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Sarjana. Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Azlan Shaiful Baharum & Rosni Samah. 2015. Persepsi pelajar universiti awam terhadap kesalahan bahasa Arab, faktor penyumbang dan implikasi. *Sains Humanika* 6(1): 35-42.
- Corder, S. P. 1967. The significance of learner's errors. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 5(1-4): 161-170.
- Corder, S. P. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Fahed Maromar. 2018. Teknik meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati di IPTS dan IPG. Kertas kerja 5th International Research Management & Innovation Conference. Palm Garden Hotel, Putrajaya, 7 Ogos.
- Fakhrur Rasikh. 2016. Uslub al-Munazarah bi Madkhal al-Fa' al fi Ta'lim Maharat al-Kalam. *Jurnal Ihya' al-Arabiyyah*: 137-154.
- Faudziah Rasad & Zamri Mahamod. 2013. Analisis kesalahan morfologi dan sintaksis dalam penulisan tesis cemerlang. *Prosiding Seminar Serantau Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu Kali Kedua 2013*, hlm 129-146.
- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. 2010. *Panduan Strategi Belajar Bahasa Asing: Khusus untuk Pelajar-pelajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab*. UiTM Shah Alam: UPENA.
- Haniah. 2018. Analisis kesalahan berbahasa Arab pada skripsi mahasiswa jurusan bahasa dan sastra Arab. *Journal of Arabic Studies* 3(1): 23-34.
- Ibn 'Aqil, 'Abd Allah ibn 'Abd al-Rahman. 1980. *Sharh Ibn 'Aqil 'ala Alfiyat Ibn Malik*. Kaherah: Dar al-Turath.

- Ibnu Burdah. 2016. *Melejitkan Kemampuan Bahasa Arab Aktif Melalui Strategi Debat*. Malang: Lisan Arabi.
- Kaseh Abu Bakar & Nur Adibah Alias. 2017. Arabic debate and world-readiness. *International Journal of West Asian Studies* 9(1): 93-106.
- Mat Taib Pa. 2008. Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*.
- Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. 2009. Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan dari aspek morfologi. *Jurnal Usuluddin* 30: 305-324.
- Mohammd Rofian bin Ismail et. al. 2014. Analisis kesalahan nahu bahasa Arab dalam karangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab. Kertas kerja International Research Management and Innovation Conference. 17-18 November.
- Muna al-[°]Ajrami & Halah Husna. 2015. Tahlil al-‘Akhta’ al-Lughawiiyyah li Darisi al-Lughah al-[°]Arabiyyah li al-Mustawa al-Rabi[°] min al-Talabah al-Kuriyyin fi Markaz al-Lughat/ al-Jami[°]ah al-Urduniyyah. *Dirasat: al-[°]Uhum al-Insaniyyah wa al-Ijtima[°]iyah* 42(1): 1087-1108.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies* 14(1): 117-133.
- Pezhman Zare & Moomala Othman. 2015. Students’ perceptions toward using classroom debate to develop critical thinking and oral communication ability. *Journal of Asian Social Science* 11(9): 158-170.
- Reza Pasha Moghimizadeh. 2008. The study of syntctic avoidance on the written production of persian university students majoring in teaching english as a foreign language. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Rosni Samah. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2): 555–569.
- Rosni Samah et. al. 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(2): 99-116.

- al-Sabban, Muhammad ibn ʿAli. 1997. *Hashiyat al-Sabban ʿala Sharh al-Ashmuni ʿala Alfiyat Ibn Malik*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyah.
- Siti Baidura binti Kasiran & Nurul Jamilah binti Rosly. 2011. Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam karangan pelajar asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam. 2nd International Language Conference 2011. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 22-24 April 2011.
- Tanveer, M. 2007. Investigation of the factors that cause language anxiety for ESL / EFL learners in learning speaking skills and the influence it casts on communication in the target language. Tesis Sarjana. University of Glasgow.
- Wan Azura Wan Ahmad et. al. 2005. *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ahmad Nabil Afif Ja'afar

Graduan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam (Pengajian Arab dan Tamadun Islam)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
E-mel: nabilafif97@gmail.com

Hakim Zainal

Pensyarah Kanan DS52
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
E-mel: haza@ukm.edu.my

Mohamad Azwan Kamarudin

Guru Bahasa DG44
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
E-mel: azwankamarudin@ukm.edu.my